

## Helaian Maklumat Produk

Sila baca helaian maklumat produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk ini. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am dengan teliti.

Nama Pakej : SME Digital Financing  
 Tarikh : \_\_\_/\_\_\_/\_\_\_

### 1. APAKAH PRODUK INI?

Kemudahan modal kerja dalam bentuk Pinjaman Berjangka yang ditawarkan kepada perniagaan berstatus SME\* dan Mikro\*. Kadar pinjaman adalah berdasarkan kepada kadar boleh ubah.

Surat Jaminan daripada pengarah syarikat (untuk syarikat Sdn Bhd) dan jaminan daripada Credit Guarantee Corporation (CGC) (jika berkenaan) akan digunakan sebagai cagaran /sekuriti bagi pembiayaan ini.

Kemudahan ini disediakan dalam bentuk pinjaman Konvensional.

(\*Merujuk kepada definisi yang ditetapkan oleh National SME Development Council (NSDC))

### 2. APAKAH YANG BOLEH SAYA PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?

<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah pinjaman</li> </ul>	Minimum RM10,000 sehingga maksima RM250,000 <i>(Jumlah pinjaman yang diluluskan tertakluk kepada kelayakan dan budi bicara pihak Bank)</i>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Produk</li> </ul>	Pinjaman Berjangka di bawah pakej SME Digital Financing: <ol style="list-style-type: none"> <li>SME Online Clean Loan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>Tunai yang pantas untuk SME</li> </ul> </li> <li>SME Online Micro Financing *                             <ul style="list-style-type: none"> <li>Dibiayai oleh Bank Negara Malaysia (BNM FME)</li> </ul> </li> <li>SME Online PGX *                             <ul style="list-style-type: none"> <li>Jaminan oleh Credit Guarantee Corporation (CGC)</li> </ul> </li> </ol> <p><i>* Pembiayaan di bawah SME Online PGX dan SME Online Micro Financing adalah bergantung kepada kelulusan daripada CGC atau Bank Negara Malaysia (BNM) dan ketersediaan dana di bawah program.</i></p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempoh Pinjaman</li> </ul>	Minimum: 1 tahun sehingga maksima 5 tahun
<ul style="list-style-type: none"> <li>Cagaran</li> </ul>	Tiada
<ul style="list-style-type: none"> <li>Jaminan</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Jaminan bersama dari pengarah syarikat (untuk syarikat Sdn Bhd)</li> <li>Jaminan CGC (untuk SME Online PGX)</li> </ol>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman asas</li> </ul>	Kadar semasa: <ol style="list-style-type: none"> <li>Berdasarkan Kadar Pinjaman Asas (KPA) sebanyak 5.65% setahun</li> <li>Kadar BNM Fund for Micro Enterprise (FME) adalah 0% setahun sehingga 31/12/2020 (untuk SME Online Micro Financing)</li> </ol> <p>Nota: Jumlah ansuran bulanan dan jumlah permbayaran keseluruhan mungkin berbeza mengikut sebarang perubahan dalam Kadar Pinjaman Asas (KPA) dan Kadar FME.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar Keuntungan</li> </ul>	Kadar Keuntungan berdasarkan setiap produk: <ol style="list-style-type: none"> <li>SME Online Clean Loan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>KPA + 4.5% sehingga KPA + 7.75% setahun</li> </ul> </li> <li>SME Online Micro Financing                             <ul style="list-style-type: none"> <li>FME + 8.5% sehingga FME + 11.5% setahun</li> </ul> </li> <li>SME Online PGX                             <ul style="list-style-type: none"> <li>KPA + 3.5% sehingga KPA + 7.5% setahun</li> </ul> </li> </ol> <p>Nota: Pengiraan kadar ansuran bulanan adalah berdasarkan Kadar Keuntungan.</p>

	Kadar Keuntungan di atas mungkin berubah pada bila-bila masa oleh pihak Bank dengan sekurang-kurangnya diberi dua puluh satu (21) hari notis sebelum tarikh pelaksanaan.
Perbankan Atas Talian	Maybank2u / Maybank2u.Biz

### 3. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

Membuat pembayaran ansuran bulanan setelah pinjaman dikeluarkan sepenuhnya oleh pihak bank.

Pembayaran balik pinjaman secara ansuran bulanan (dikira berdasarkan kadar faedah semasa, tempoh pinjaman dan baki pinjaman terkumpul). Jumlah bayaran ansuran akan bermula setelah pengeluaran pinjaman dikeluarkan sepenuhnya oleh pihak bank.

Pihak bank berhak untuk membuat potongan sebagai bayaran pendahuluan bersamaan dengan sebulan ansuran daripada jumlah pinjaman diluluskan. Pihak bank akan menggunakan bayaran pendahuluan tersebut untuk bayaran kepada sebarang hutang tertunggak yang berkaitan dengan pinjaman diluluskan pada bila-bila masa semasa tempoh pinjaman.

▪ Jumlah ansuran bulanan*	RM _____ (jumlah pinjaman termasuk kadar faedah)
▪ Jumlah keseluruhan ansuran yang perlu dibayar (termasuk jumlah pinjaman)*	RM _____

Contoh ilustrasi:

Produk : SME Online Micro Financing  
 Kadar Keuntungan : FME + 8.5% setahun  
 Jumlah pinjaman : RM20k  
 Tempoh pinjaman : 5 tahun

Kadar	Semasa (FME=1.5%) i.e. 1.5% + 8.5%	Sekiranya FME meningkat 1% i.e. 2.5% + 8.5%	Sekiranya FME meningkat 2% i.e. 3.5% + 8.5%
Ansuran Bulanan	RM424.94	RM434.85	RM444.89
Jumlah keuntungan keseluruhan selepas 5 tahun	RM5,496.45	RM6,090.91	RM6,693.34
Jumlah pembayaran semula keseluruhan selepas 5 tahun	RM25,496.45	RM26,090.91	RM26,693.34

*\*Nota: Jumlah ansuran dan jumlah bayaran balik mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan KPA dan FME.*

### 4. BERAPAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU DIBAYAR?

Duti setem	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sebagaimana yang tercatat didalam Akta Duti Setem 1949 ( pindaan pada 1989)</li> <li>▪ Pengecualian perintah duti setem (no 4) 2011 telah diluluskan untuk skim pembiayaan Mikro</li> </ul>
Fi Jaminan CGC	Sekiranya terdapat situasi yang difikirkan sesuai oleh Bank atau pembatalan pembiayaan oleh peminjam, jaminan CGC yang dikeluarkan boleh dibatalkan oleh pihak Bank pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada CGC yang mana peminjam dengan ini bersetuju bahawa yuran jaminan dibayar kepada CGC tidak akan dikembalikan.
Caj dokumentasi pinjaman RSME 'In-House'	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Yuran dokumentasi maksimum sehingga RM600</li> <li>▪ Tiada caj dikenakan untuk SME Online Micro Financing</li> </ul>
Cukai	Tertakluk kepada cukai dan levi sedia ada dan akan datang yang ditetapkan mengikut undang-undang
Lain-lain yuran & caj (untuk 'Non In-House')	Semua kos dan perbelanjaan lain seperti yuran guaman dan, lain-lain caj yang berkaitan dengan penyediaan semua dokumentasi dan dokumen sekuriti bank.

**5. SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI OBLIGASI SAYA?**

▪ Denda ansuran lewat	1% setahun ke atas jumlah tertunggak
▪ Hak penyelesaian	Pihak bank berhak menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka di bank untuk melunaskan apa jua jumlah ansuran tertunggak melibatkan pinjaman ini dengan memberi tujuh (7) hari notis sebelum pelaksanaan.
▪ Kadar kemungkiran	Jika berlaku kemungkiran (tiada pembayaran) sebanyak (3) tiga kali berturut-turut, pembayaran faedah sebelum bayaran ansuran atau semasa bayaran ansuran, pihak bank berhak untuk menukar kadar keuntungan efektif ditambah dengan + 1.00% setahun (dikira secara baki harian).

*Nota: Notis akan diberi kepada pelanggan*

**6. JIKA SAYA MENJELASKAN BAKI PINJAMAN SEBELUM TEMPOH MATANG?**

Denda	Tiada denda akan dikenakan
Penyelesaian awal (untuk SME Online PGX)	<p>Jika anda membatalkan kemudahan pinjaman dalam tempoh pinjaman yang dipersetujui, pihak bank berhak mendapatkan semula kos yang ditanggung oleh bank pada kadar prorata (mengikut bulan) bagi tempoh yang tidak diguna bergantung kepada jumlah pinjaman, tempoh pinjaman dan kadar faedah &amp; lain-lain, daripada anda menerusi apa jua kaedah yang didapati sesuai oleh pihak bank. Ini termasuk hak untuk mendebitkan akaun yang dimiliki oleh anda dengan pihak bank dengan berikan notis sekurang-sekurangnya dua puluh satu hari (21 hari) sebelum tarikh pelaksanaan.</p> <p>Contoh ilustrasi:-            Baki tertunggak @ Disember 2015: RM240,000            Kos ditanggung (Jan16 - Disember16): <math>RM240,000 \times 70\% \times 3\% = RM5,040</math>            Penyelesaian awal tarikh: Ogos16            Penyelesaian awal kos berdasarkan tempoh yang tidak diguna:  <math>RM5,040 \times (4/12) = RM1,680</math></p>
Tempoh penyelesaian	Tiada

**7. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN PERLINDUNGAN INSURANS?**

Skim Perlindungan Peribadi Berkurangan Berjangka (PRTA) akan di tawarkan kepada pemilik perniagaan / pengarah urusan / pengurus bersama / rakan kongsi / pemilik persendirian untuk melindungi mereka sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal

**8. APAKAH RISIKO UTAMA?**

Kadar faedah pinjaman ini boleh berubah dari masa ke semasa mengikut perubahan dalam Kadar Pinjaman Asas (KPA) dan Fund Micro Enterprise (FME). Peningkatan dalam kadar faedah boleh menyebabkan jumlah bayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi.

Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran balik, sila hubungi kami lebih awal untuk berbincang mengenai kaedah alternatif bayaran.

**9. APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN JIKA TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT UNTUK MENGHUBUNGI SAYA?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda dapat dihubungi atau menerima surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskinikan maklumat perhubungan anda, anda boleh menghubungi kami melalui satu daripada saluran berikut, M2u atau cawangan bank dimana akaun anda diselenggarakan.

**10. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?**

- i. Jika anda mempunyai masalah dalam membuat bayaran balik, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif bagi bayaran balik di mana mana cawangan kami yang terdekat.
- ii. Jika anda ingin mendapatkan maklumat yang lebih lanjut berkenaan produk atau servis yang disediakan oleh pihak kami, anda boleh mendapatkan maklumat tersebut di mana mana cawangan kami yang berdekatan atau hubungi Talian Khidmat Pelanggan di:

Tel: 1-300-88-66-88 (Lokal) atau +603 - 78443696 (Luar Negara)  
Email: mgcc@maybank.com.my

- iii. Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh bank negara malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall  
1001, Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
Tel: 1-800-22-2575 email: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

- iv. Jika anda tidak berpuas hati dengan cara kami menjawab pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia link atau telelink di:

Blok D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato'Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465

Faks: 03-21741515 e-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**11. DI MANA BOLEH SAYA MENDAPATKAN MAKLUMAT SELANJUTNYA?**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :

Cawangan maybank :  
Alamat :  
Tel :  
E-mel:

**12. PAKEJ PINJAMAN LAIN YANG DISEDIAKAN:**

Ya. Anda boleh merujuk laman web kami di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk pakej pinjaman SME yang lain.

**Penafian tuntutan**

Maklumat serta terma dan syarat am yang disediakan dalam helaian maklumat produk ini adalah bagi tujuan informasi dan tidak terikat kepada pihak bank. Terma dan syarat muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran yang tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan kemudahan pinjaman ini.

**Nota penting:**

**Pihak bank mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang jika anda gagal untuk membuat bayaran balik pinjaman anda.**

**Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini adalah sah setakat Oktober 2020.**